

Karnival Jom Masuk U 2025 dapat sambutan luar biasa

Oleh **Essa Abu Yamin** - April 28, 2025 @ 4:50pm

essabuyamin@bh.com.my



Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts Dr Massila Kamalrudin (empat kanan) pada Karnival Jom Masuk U Zon Selatan di Dewan Canselor UTeM, Melaka hujung minggu lalu. - Foto ihsan FB Naib Canselor UTeM Prof Ts Dr Massila Kamalrudin.

KUALA LUMPUR: Karnival Jom-Masuk U (JMU) 2025 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menerima sambutan luar biasa apabila berjaya menarik seramai 769,268 pengunjung setakat penganjuran di lima zon utama di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 145,827 hadir secara fizikal di lokasi penganjuran, manakala 623,441 lagi mengikuti program secara dalam talian menerusi platform media sosial rasmi.

KPT dalam satu kenyataan berkata program berbentuk jelajah itu diadakan di 10 zon utama seluruh negara, dengan penyertaan pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta, selain turut disiarkan secara langsung bagi memperluaskan capaian kepada pelajar yang tidak dapat hadir ke lokasi.

"Antara pengisian utama program adalah pameran reruai institusi pendidikan tinggi (IPT), konsultasi pengisian permohonan UPU, taklimat pendidikan tinggi, bual bicara pendidikan, cabutan bertuah, kuiz interaktif, pertandingan e-sukan (Mobile Legends), pertunjukan fesyen, gerai jualan usahawan pelajar serta perkhidmatan pergigian bergerak.

"Kursus kompetitif seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Perakaunan, Undang-Undang dan Kejuruteraan kekal menjadi tumpuan utama pelajar, selain peningkatan minat terhadap program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta bidang keusahawanan di institusi Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC)," katanya.

KPT berkata, program JMU 2025 akan diteruskan di lima zon seterusnya iaitu di Gelugor, Pulau Pinang dan Kuching, Sarawak pada 3 dan 4 Mei; di Bangi, Selangor dan Kota Kinabalu, Sabah pada 10 dan 11 Mei sebelum penutup di Manjung, Perak pada 17 dan 18 Mei.

Sementara itu, Majlis Amanah Rakyat (MARA) memaklumkan Karnival Pendidikan MARA 2025 bakal membuka tirai bermula 3 Mei ini, menyasarkan lokasi-lokasi utama di seluruh negara sepanjang bulan Mei.

Katanya, karnival dua hari pertama akan berlangsung serentak di tiga lokasi iaitu di World Trade Centre Kuala Lumpur, 1 Borneo Kota Kinabalu, Sabah dan Kuantan City Mall, Pahang pada 3 hingga 4 Mei.

Seterusnya, siri jelajah karnival diteruskan pada 10 hingga 11 Mei di The Starling, Damansara untuk Selangor, Angsana Mall, Johor Bahru, Johor serta Palm Mall, Seremban, Negeri Sembilan.

Bagi minggu ketiga, karnival akan menemui orang ramai di Aman Central, Alor Setar, Kedah; Mydin Matunjong, Kelantan; Mydin Bukit Mertajam, Pulau Pinang; dan Mydin Meru, Ipoh, Perak pada 17 hingga 18 Mei.

Dalam pada itu, bagi minggu terakhir, lokasi pilihan ialah KTCC Mall, Kuala Terengganu Terengganu; Mahkota Parade, Melaka serta Mydin Petra, Kuching, Sarawak, pada 24 hingga 25 Mei.

Karnival berkenaan merupakan platform terbaik untuk orang ramai mendapatkan maklumat terperinci mengenai institusi pendidikan di bawah MARA, selain membuka peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) memilih laluan pendidikan masa depan mereka.

Orang ramai dijemput hadir dan merebut peluang mengenali lebih dekat program-program yang ditawarkan.